



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD / 23 SEPTEMBER 2018

1. HARGAI PERJUANGAN

- **BERITA HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

HARGAI PERJUANGAN

Abdul Razak Raaff
dan Amin Ridzuan Ishak
cnews@nstp.com.my

■ Mazlan bakal dilantik sebagai pengerusi agensi terpenting dalam MOA selepas dapat kelulusan PM

Temerloh

Pengerusi Persatuan Anak Peneroka FELDA Kebangsaan (ANAK), Mazlan Aliman bakal dilantik sebagai pengerusi agensi terpenting dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pelantikan Mazlan akan diumumkan selepas kelulusan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai penghargaan kepadanya dalam memperjuangkan nasib peneroka FELDA sejak sekian lama.

Katanya, cadangan melantik Mazlan ke jawatan itu tidak bercanggah dengan pendirian kerajaan Pakatan Harapan untuk melantik

ahli politik ke sesebuah jawatan kerana ia hanya terhad untuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Saya melihat Mazlan bukan sebagai ahli politik tetapi beliau mempunyai kesungguhan memperjuangkan nasib peneroka selama 30 tahun.

"Ia berdasarkan kapasiti dan rekod yang cemerlang, saya rasa Mazlan harus diberikan peluang memperjuangkan nasib petani," katanya ditemui selepas Program Bicara Bersama Menteri sempena sambutan ulang tahun ketiga Parti Amanah Negara (AMANAH) di Dewan Tun Razak di sini, semalam.

Salahudin yang juga Timbalan Presiden AMANAH mengumumkan Mazlan akan dilantik sebagai pe-

ngerusi dalam satu daripada agensi dalam kementerian dalam sesi berkenaan.

Antara agensi dalam kementerian itu ialah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, beliau mengambil pendekatan berkesan dengan semua pihak dalam MOA yang ada di antaranya didakwa mempunyai kepentingan atau kaitan dengan parti kerajaan pemerintah terdahulu.

"Saya lebih berminat menjalinkan kerjasama dan memberi penjelasan kepada mereka berhubung

dasar baharu kerajaan supaya bersama-sama menyelesaikan pelbagai isu berbangkit dalam kementerian," katanya.

Beliau berkata, antara keutamaan kementerian dalam aspek keselamatan makanan dengan menjadikannya sebagai agenda utama yang memerlukan kerjasama semua pihak termasuk kementerian berlainan.

"Saya pernah sebut dalam Parlimen sebelum ini ketahanan stok bekalan makanan kita hanya 22 hari saja. Kalau berhenti mengimport atau berlaku perang, ia hanya mampu bertahan dalam tem-

poh berkenaan.

"Isu keselamatan makanan ini bukan saja tanggungjawab asas kami tetapi keselamatan nasional yang memerlukan pembabitian semua pihak," katanya.

SALAHUDDIN

